

KAJIAN ANALITIKAL HURUF FAA' (ف) DALAM AL-QURAN

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Huruf *faa'* (ف) merupakan salah satu *huruf 'atf* (kata hubung) yang memainkan peranan penting dalam menyambung ayat dan menyampaikan maksud secara terperinci dalam struktur ayat al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan huruf *faa'* dalam al-Quran dari fungsi nahu, semantik dan retorik. Pendekatan kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap beberapa ayat pilihan dari al-Quran yang mengandungi huruf *faa'*. Pengkaji mendapati huruf *faa'* dalam Al-Quran tidak hanya berfungsi sebagai penghubung antara ayat akan tetapi memiliki makna yang beragam tergantung pada konteks penggunaannya seperti makna *jawab syart* (jawapan kepada syarat), *sababiyyah* (sebab), *fasiilah*, *ta'qib* (berlaku secara langsung tanpa ada jeda masa) dan *zaaidah* (huruf tambahan). Hasil analisis mendapati bahawa huruf *faa'* bukan sahaja berperanan sebagai penyambung ayat tetapi turut membawa makna yang signifikan terhadap kefahaman konteks ayat, hukum dan mesej yang ingin disampaikan. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap kehalusan bahasa al-Quran serta membantu para pelajar dan pengkaji dalam bidang tafsir dan linguistik Arab.

Kata Kunci: kajian analitikal; huruf *faa'*; al-Quran

1. PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang diturunkan dalam bahasa Arab yang fasih dan penuh dengan keindahan bahasa serta kehalusan makna. Setiap huruf, perkataan dan susunan ayat dalam al-Quran membawa makna yang mendalam dan berperanan dalam menyampaikan mesej Ilahi dengan penuh hikmah. Salah satu huruf yang kerap digunakan dalam al-Quran ialah huruf *faa'* (ف) yang mempunyai pelbagai fungsi dalam nahu (tatabahasa), balaghah (retorik) dan semantik.

Huruf *faa'* bukan sahaja digunakan sebagai *huruf 'atf* (kata hubung) tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyusun peristiwa, menegaskan maksud dan menunjukkan kesinambungan logik antara ayat dan idea. Penggunaan huruf ini secara berulang dan konsisten dalam pelbagai surah dan ayat menunjukkan bahawa ia bukan sekadar elemen linguistik biasa malah memiliki kedudukan penting dalam memperkukuh keindahan dan kefahaman terhadap mesej al-Quran.

Namun begitu, kajian khusus yang meneliti fungsi dan kedudukan huruf *faa'* secara analitikal dalam keseluruhan al-Quran masih terbatas. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis secara lebih mendalam peranan dan kepelbagaian fungsi huruf *faa'* dalam al-Quran di samping menilai kesannya terhadap struktur ayat dan kefahaman makna. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada bidang ilmu tafsir, linguistik Arab, dan penghayatan al-Quran secara lebih menyeluruh.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dilaksanakan oleh Kais Dukes (2017) menyatakan bahawa huruf *faa'* mempunyai lima maksud iaitu *faa' isti'nafiyyah*, *faa' a'tifah*, *faa' waqiah fi jawab syart*, *faa' zaidah* dan *faa' as-sababiyyah*.

Muhamad Basuki al-Marji (2022) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Makna dan Fungsi Huruf ف (Fa) dalam Bahasa Arab’ memberikan makna *faa*’ iaitu *fa athofiyah, fa sababiyah, fa rabithah, fa ta’liliyah, fa isti’nafiyah, fa tafsiliyah, fa fasihah, fa tafri’iyah, fa tazyiniyah, fa za’idah* dan *fa fi’liyah*.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk analitikal dan deskriptif. Pendekatan ini sesuai untuk menghuraikan secara mendalam penggunaan huruf *faa*’ (ف) dalam al-Quran dari sudut bahasa, retorik dan makna. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan (library research). Penyelidik menyenaraikan, menapis dan mengelaskan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi huruf *faa*’ berdasarkan konteks. Kaedah analisis kandungan digunakan oleh pengkaji sebagai kaedah penganalisan data.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 الفاء العاطفة فاء العطف *faa’ al-’athf* (kata hubung)

Ia menghubungkan dua ayat atau dua frasa yang bersifat selari.

Contoh:

(الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ) (سورة الانفطار: ٧)

Terjemahan: Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan) serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya.

(وَنَادَى نُوحٌ رَبَّهُ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ابْنِي مِنْ أَهْلِي وَإِنَّ وَعْدَكَ الْحَقُّ وَأَنْتَ أَحْكَمُ الْحَكَمِينَ) (سورة هود: ٤٥)

Terjemahan: Dan Nabi Nuh merayu kepada Tuhannya lalu berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku itu dari keluargaku sendiri, dan bahawa janjiMu itu adalah benar, dan Engkau adalah sebijak-bijak Hakim yang menghukum dengan seadil-adilnya".

(فَالْمُورِيتَ قَدْحًا (٢) فَالْمُغِيرَتِ صُبْحًا (٣) فَأَنْزَرْنَاهُ نَقْعًا (٤) فَوَسَّطْنَاهُ بِجَمْعًا (٥)) (سورة العاديات: ٢-٥)

Terjemahan: Serta mencetuskan api dari telapak kakinya (2) Dan meluru menyerbu musuh pada waktu subuh (3) Sehingga menghamburkan debu pada waktu itu (4) Lalu menggempur ketika itu di tengah-tengah kumpulan musuh (5).

(وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَى حِينٍ غَفْلَةٍ مِنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَتِهِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَغَاثَهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَى فَقَضَى عَلَيْهِ قَالَ هَذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُضِلٌّ مُبِينٌ) (سورة القصص: ١٥)

Terjemahan: Dan masuklah ia ke bandar (Mesir) dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongannya sendiri dan yang seorang lagi dari pihak musuhnya. Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: "Ini adalah dari kerja Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh yang menyesatkan, yang nyata (angkaranya)".

(لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرْتُمْ أَنْتُمْ عَشْرَةَ مَسْكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفَرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ) (سورة المائدة: ٨٩)

Terjemahan: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga

kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penembus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum ugamaNya) supaya kamu bersyukur.

(وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ) (سورة المرسلات: ٣٦)

Terjemahan: Dan tidak pula diizinkan mereka bercakap, maka mereka tidak dapat meminta maaf.

(مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْفَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظِلْمٍ لَا يَبْصِرُونَ) (سورة البقرة: ١٧)

Terjemahan: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

(إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ) (سورة البقرة: ١٦٤)

Terjemahan: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

(فَأَنجَيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَقَطَعْنَا دَابِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَمَا كَانُوا مُؤْمِنِينَ) (سورة الأعراف: ٧٢)

Terjemahan: Maka Kami selamatkan dia dan orang-orang yang bersamanya, dengan rahmat dari Kami, dan Kami (binasakan serta) putuskan keturunan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, dan mereka bukanlah orang-orang yang beriman.

(فَأَخَذْنَاهُمُ الرِّجْفَ فَاصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَثِيمِينَ) (سورة الأعراف: ٧٨)

Terjemahan: Oleh itu, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing.

4.2 الفاء الجوابية \ فاء جواب الشرط *faa'al-jawab as-syarat*

Digunakan sebagai penghubung antara syarat dan jawapan dalam ayat syarat.

Contoh:

(مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلُهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ) (سورة الأنعام: ١٦٠)

Terjemahan: Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).

(وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَبْرًا) (سورة النساء: ١٢٤)

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun.

﴿وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وَجُوهُهُمْ فِي النَّارِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ (سورة النمل: ٩٠)

Terjemahan: Dan sesiapa yang datang membawa amal jahat (yang telah dikerjakannya) maka sudah tentu mereka akan ditumuskan mukanya ke dalam api neraka (sambil dikatakan kepada mereka): "Kamu tidak diberi melainkan balasan apa yang kamu telah lakukan".

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعْمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِنْكُمْ هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَرَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ أَوْ عَدْلٌ ذَلِكَ صِيَامًا لِيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهُ عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَ وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمْ اللَّهُ مِنْهُ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ﴾ (سورة المائدة: ٩٥)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram. Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu, yang ditetapkan hukumnya oleh dua orang yang adil di antara kamu, sebagai hadiah yang disampaikan ke Kaabah (untuk disembelih dan dibahagikan kepada fakir miskin di Tanah Suci), atau bayaran kaffarah, iaitu memberi makan orang-orang miskin, atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang miskin; supaya dapat ia merasai kesan yang buruk dari perbuatannya. Allah maafkan apa yang telah lalu; dan sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Berkuasa membalas dengan azab seksa.

﴿وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا﴾ (سورة طه: ١١٢)

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan sebarang apa dari amal-amal yang soleh, sedang ia beriman, maka tidaklah (seharusnya) ia merasa takut dianiaya atau dikurangkan sedikitpun dari pahalanya.

﴿وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ﴾ (سورة الضحى: ١٠)

Terjemahan: Adapun orang yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah engkau tengking herdik.

﴿إِنْ تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَائِكَةُ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ﴾ (سورة التحريم: ٤)

Terjemahan: Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah (wahai isteri-isteri Nabi, maka itulah yang sewajibnya), kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah cenderung (kepada perkara yang menyusahkan Nabi); dan jika kamu berdua saling membantu untuk (melakukan sesuatu yang) menyusahkannya, (maka yang demikian itu tidak akan berjaya) kerana sesungguhnya Allah adalah Pembelanya; dan selain dari itu Jibril serta orang-orang yang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman dan malaikat-malaikat - juga menjadi penolongnya.

4.3 فاء السببية faa' as-sababiyyah

Ia menunjukkan sebab atau akibat. Biasanya berlaku selepas *fi'il* (kata kerja) atau kalimat perintah/larangan.

Contoh:

﴿وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَاقَوْمِ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الْمُنَادِينَ فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا تَدْعُونَ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُبَدِّلَ نِعْمَتِي فِيكُمْ وَلِيُجْزِيَ الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُ هُوَ النَّوَّابُ الرَّحِيمُ﴾ (سورة البقرة: ٥٤)

Terjemahan: Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: " Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani".

(سورة الماعون: ٢) ﴿فَذَلِكَ الَّذِي يَدُعُّ الْيَتِيمَ﴾

Terjemahan: Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim.

﴿وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۖ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيْتَ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۖ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنْفُسُكُمْ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ﴾ (سورة البقرة: ٨٧)

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa Ibni Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan Ruhul-Qudus (Jibril). Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknyanya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?

(سورة الأعراف: ١٣) ﴿قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَاخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ الصَّاغِرِينَ﴾

Terjemahan: Allah berfirman: "Turunlah engkau dari Syurga ini, kerana tidak patut engkau berlaku sombong di dalamnya; oleh sebab itu keluarlah, sesungguhnya engkau dari golongan yang hina".

(سورة المعارج: ٤-٥) ﴿تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ۚ (٤) فَاصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا (٥)﴾

Terjemahan: Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibril ke pusat pemerintahanNya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing, terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak hitungan hisab dan berat soal jawabnya) (4). Maka bersabarlah (wahai Muhammad terhadap ejekan golongan yang kafir itu), dengan cara kesabaran yang sebaik-baiknya (5).

Huruf *faa'* digunakan selepas konteks sebelumnya yang menggambarkan ejekan orang kafir terhadap Nabi. Maka Allah memerintahkan Nabi untuk bersabar sebagai reaksi terhadap tindakan mereka, menunjukkan sebab dan akibat.

4. ٤ الفاء الفصيحة *al-faa' al-fasihihah*

Contoh:

﴿وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ۖ فَانفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ﴾ (سورة البقرة: ٦٠)

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukulah batu itu dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumannya masing-masing. (Dan Kami berfirman): "Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi".

﴿ثُمَّ أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِنْكُمْ مِنْ دِيَارِهِمْ تَظَاهَرُونَ عَلَيْهِم بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِنْ يَأْتِوكُمْ أُسْرَىٰ تَقْتُلُوهُمْ وَهُمْ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَنَوْمٌ مُلِيمٌ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ﴾ (سورة البقرة: ٨٥)

Terjemahan: Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya; kamu pula saling bantu-membantu (dengan orang lain) untuk menentang mereka dengan melakukan dosa dan penganiayaan; padahal kalau mereka datang kepada kamu sebagai orang tawanan, kamu tebus mereka; sedang perbuatan mengusir mereka diharamkan juga atas kamu. Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.

﴿وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يَقُومُ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَاقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارِئِكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ﴾ (سورة البقرة: ٥٤)

Terjemahan: Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: " Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani".

﴿فَاسْتَخَفَّ قَوْمَهُ فَطَاعُوهُ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا فَلْسِيفِينَ﴾ (سورة الزخرف: ٥٤)

Terjemahan: (Dengan yang demikian), maka Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka mematuhinya; sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang fasik - derhaka.

﴿فَلَمَّا ءَاسَفُونَا انْتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَاهُمْ أَجْمَعِينَ﴾ (سورة الزخرف: ٥٥)

Terjemahan: Setelah mereka menyebabkan kemurkaan Kami (dengan perbuatan derhaka itu), Kami menyeksa mereka, iaitu menenggelamkan mereka semuanya di laut (sehingga binasa).

﴿وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ﴾ (سورة المدثر: ٣)

Terjemahan: Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya!

﴿وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا أَفَلَمْ تَكُنْ ءَايَاتِي تُنَلَّىٰ عَلَيْكُمْ فَاسْتَكْبَرْتُمْ وَكُنْتُمْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ﴾ (سورة الجاثية: ٣١)

Terjemahan: Adapun orang-orang yang kafir, (maka mereka akan ditempelak dengan dikatakan kepada mereka): "Bukankah ayat-ayatku telah disampaikan dan dibacakan kepada kamu, lalu kamu berlaku sombong takbur (mengingkarinya), serta menjadi kaum yang sentiasa melakukan kesalahan?

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهَادَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ حِينَ الْوَصِيَّةِ اثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِنْكُمْ أَوْ ءَاخَرَانِ مِنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَأَصَابَتْكُمْ مُّصِيبَةُ الْمَوْتِ تَحْسِبُوهُمَا مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَيَقْسِمَانِ بِاللَّهِ إِنْ اَرْتَبْتُمْ لَا نَشْرِي بِهِنَّ نَمًّا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ وَلَا تَكُنْ مِنْ شَرِّهِدَةِ اللَّهِ إِنَّهَا إِذَا لَمِنَ الْإِثْمِينَ﴾ (سورة المائدة: ١٠٦)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seugama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: "Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa".

﴿قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَٰلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ﴾ (سورة البقرة: ٦٨)

Terjemahan: Mereka berkata pula: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya".

(قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقَى الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا الْأُنثَىٰ جِئْتَ بِالْحَقِّ فَدَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ) (سورة البقرة: ٧١)

Terjemahan:Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya". Mereka berkata: "Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar". Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.

4.5 فاء faa' at-taqib

Ia menunjukkan urutan peristiwa secara langsung tanpa jeda waktu.

Contoh:

(ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ) (سورة عبس: ٢١)

Terjemahan: Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya ia dikuburkan.

Analisis: Huruf *faa'* di sini menunjukkan bahawa penguburan terjadi segera selepas kematian tanpa sela masa yang panjang. Ini menggambarkan taqib (urutan segera).

(فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ) (سورة الفجر: ١٥)

Terjemahan: (Dalam pada itu manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian, maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (ia tidak mahu bersyukur tetapi terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya: "Tuhanku telah memuliakan daku!"

(وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَنِي إِسْرَءِيلَ أَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ) (سورة الأعراف: ٥٧)

Terjemahan: Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

4.6 الفاء الزائدة al-faa' az-zaidah (huruf tambahan)

(شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ) (سورة البقرة: ١٨٥)

Terjemahan: (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak

menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

(فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ) (سورة قريش: ٣)

Terjemahan: Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini.

(وَمَنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۚ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي ۚ وَلَا تَمْنُنْ فِي عَصِيَّتِي ۚ عَلَيَّكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ) (سورة البقرة: ١٥٠)

Terjemahan: Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya, supaya tidak ada lagi (sebarang) alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu), kecuali orang-orang yang zalim di antara mereka (ada sahaja yang mereka jadikan alasan). Maka janganlah kamu takut kepada (cacat cela) mereka, dan takutlah kamu kepada Ku (semata-mata); dan supaya Aku sempurnakan nikmatKu kepada kamu, dan juga supaya kamu beroleh petunjuk hidayah (mengenai perkara yang benar).

(لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُجِبُونَ أَنَّ يُحْمَدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبْنَهُمْ بِمَقَارََةِ مِنَ الْعَذَابِ ۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ) (سورة آل عمران: ١٨٨)

Terjemahan: Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan - jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

5. KESIMPULAN

Kajian analitikal terhadap huruf *faa* ' (ف) dalam al-Quran menunjukkan bahawa huruf ini memainkan peranan penting dari segi tatabahasa, gaya bahasa, makna dan tafsir ayat. Secara keseluruhan, huruf *faa* ' bukan sekadar kata hubung biasa tetapi berfungsi sebagai alat linguistik yang kaya dengan nilai semantik dan retorik sekaligus memperkukuh kefasihan dan kehebatan susunan bahasa dalam al-Quran.

6. RUJUKAN

- Annisa Rizkia. (2018). Analisis Makna Huruf-Huruf 'Athaf Dalam Surah Al- Mu'minin Dari Ayat 6-74. [Online]: <http://repository.uinsu.ac.id/4713/2/ABSTRAK202018.pdf>. (akses pada 3 Jun, 2025).
- Asim Iqbal. (2020). Arabic Particles: Learn Arabic Particle ف Fa Meaning Shades and Usage. [Online]: <https://revivearabic.blogspot.com/2020/03/learn-arabic-particle-fa.html>. (akses pada 30 Mei, 2025).
- Asriyah. (2017). Waw Athaf Dalam Al-Qur'an (Analisis Makna dan Fungsi). [Online]: <https://journal.uin-alaudind.ac.id/index.php/diwan/article/view/4503/pdf>. (akses pada 3 Jun, 2025).
- Aula Nisak. (2017). Huruf Athaf Dalam Surat Al-Isra' (Analisis Sintaksis). [Online]: <https://lib.unnes.ac.id/31758/1/2303412031.pdf>. (akses pada 3 Jun, 2025).
- Maghfiratul Inayah. (2020). Huruf Athaf Dalam Kitab Fathul Qorib Karya Muhammad bin Qosim al-Ghazy (Analisis Sintaksis). [Online]: <https://lib.unnes.ac.id/40001/1/2303416027.pdf>. (akses pada 3 Jun, 2025).

- Mohd. Hisyam Abdul Rahim & M.Y. Zulkifli Haji Mohd Yusof. (2013). Pengajian Al-Qur'ān: Analisa Terhadap Ilmu Fāsilah Dan Prospek Perkembangannya. [Online]: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/download/5201/3006/11933>. (akses pada 3 Jun, 2025).
- Muhamad Basuki al-Marji. (2022). Makna dan Fungsi Huruf ف (Fa) dalam Bahasa Arab. [Online]: <https://amp.muhamadbасuki.web.id/artikel/172/macam-macam-huruf-D9-fa-dalam-bahasa-arab.html>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Kais Dukes.(2017). Quranic Grammar - The Particle fa (ف). [Online]: <https://corpus.quran.com/documentation/particlefa.jsp>. (akses pada 30 Mei, 2025).